

07 OCT 1996

Samy-setinggalan

PM Pengerusi Jawatankuasa Khas Setinggalan

IPOH, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan sebuah jawatankuasa khas untuk menangani masalah setinggalan terutama di bandar-bandar besar, yang kini semakin serius.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata keputusan membentuk jawatankuasa khas mengenai setinggalan itu telah dibuat di mesyuarat Kabinet minggu lepas.

"Dr Mahathir dijangka memanggil mesyuarat pertama jawatankuasa itu tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kedai tekstil Senthamarai Sdn Bhd di sini hari ini.

Beliau berkata masalah setinggalan telah menjadi serius setelah ramai penduduk luar bandar berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari kehidupan lebih baik sementara setinggalan yang telah diberi rumah tidak mahu berpindah tetapi menjual rumah itu kepada orang lain dan terus tinggal di kawasan terbabit.

"Masalah tersebut boleh diatasi jika kawasan-kawasan setinggalan yang telah diberikan rumah oleh kerajaan secara automatik dibersihkan sebaik sahaja mereka diberikan rumah," katanya.

Samy Velly berkata pada mesyuarat akan datang, beliau akan memberikan taklimat kepada Perdana Menteri mengenai masalah setinggalan kaum India yang menjadi isu hangat kebelakangan ini.

Sementara itu, Samy yang juga Presiden MIC berkata satu dialog antara kontraktor kaum India dan Bumiputera akan diadakan tidak lama lagi sebagai langkah untuk mewujudkan usaha sama tulen antara mereka,

Katanya, dialog itu akan menyediakan asas kukuh kepada kedua-dua pihak untuk mengkaji dan membincangkan beberapa bidang yang boleh mereka kerjasama.

"Pada masa ini kerjasama antara usahawan Cina dan Bumiputera berjalan baik. Yang demikian saya tidak nampak mengapa usaha sama yang serupa tidak dapat diwujudkan antara peniaga India dan Bumiputera," katanya.

Beliau berkata usahawan kaum India tidak seharusnya takut untuk mengadakan usaha sama dengan Bumiputera kerana sudahpun terdapat banyak perkongsian antara Bumiputera dan Cina dan juga usahawan kaum India. --

BERNAMA

HK OBA